

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**PERANAN PERKHIDMATAN AWAM DI SABAH TERHADAP
PEMBANGUNAN PENTADBIRAN SEBELUM TAHUN 1963*****THE ROLE OF THE CIVIL SERVICE IN SABAH REGARDING THE
DEVELOPMENT OF ADMINISTRATION BEFORE 1963***

Sharifah Darmia Sharif Adam^{1*}, Saifulazry Mokhtar^{2*}, Irma Wani Othman^{3*}, Mohd Syafiq Zaini⁴,
Mohammad Wazir Shafie Aliasah⁵

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: shdarmia.ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: irma@ums.edu.my

⁴ Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: asyafiqzaini120398@gmail.com

⁵ Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: wazir@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 01.03.2023

Revised date: 13.04.2023

Accepted date: 22.05.2023

Published date: 01.06.2023

To cite this document:

Adam, S. D. S., Mokhtar, S., Othman, I. W., Zaini, M. S., & Aliasah, M. W. S. (2023). Peranan Perkhidmatan Awam Di Sabah Terhadap Pembangunan Pentadbiran Sebelum Tahun 1963. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 01-09.

DOI: 10.35631/IJLGC.832001.

Abstrak:

Perkhidmatan awam di Sabah telah wujud sejak zaman penjajahan kuasa asing. Ketika itu, perkhidmatan awam ditubuhkan dengan tujuan untuk melancarkan segala urusan pentadbiran pihak penjajah khususnya dalam pengeksploitasian sumber-sumber asli demi untuk kepentingan ekonomi mereka. Sebelum mencapai kemerdekaan pada tahun 1963, Sabah telah mengalami beberapa kali peralihan kuasa pentadbiran yang memberikan cabaran terhadap pentadbiran di Sabah. Namun, dalam tempoh tersebut perkhidmatan awam dilihat telah berperanan penting dalam memastikan segala urusan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan lancar. Namun, terdapat isu seperti kurangnya penglibatan bumiputera tempatan yang berkhidmat dalam pentadbiran Sabah kerana kebanyakan jawatan-jawatan diisi oleh pegawai-pegawai berketurunan British. Oleh itu, perbincangan artikel ini akan meninjau sejauh manakah peranan perkhidmatan awam di Sabah terhadap pembangunan pentadbiran di negeri tersebut sebelum tahun 1963. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif iaitu analisis dokumen yang terdapat di Arkib Negara Malaysia serta kajian perpustakaan dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder seperti Fail Pejabat Tanah Jajahan, buku dan artikel untuk memperoleh sumber maklumat data kajian. Kajian ini menghasilkan satu

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



analisis yang dapat memberi kefahaman yang lebih jelas tentang peranan perkhidmatan awam di Sabah sebelum tahun 1963. Pengenalpastian peranan perkhidmatan awam akan membolehkan perancangan strategi dan polisi kerajaan yang dapat mengukuhkan lagi perkhidmatan awam di Sabah.

Kata Kunci:

Bumiputera, British, Perkhidmatan Awam, Pentadbiran, Dan Sabah.

Abstract:

Civil services in Sabah have existed since the colonial era of foreign powers. At that time, the civil service was established with the aim of launching all administrative affairs of the colonialists, especially in the exploitation of natural resources for their economic interests. Before achieving independence in 1963, Sabah had experienced several shifts of administrative power which presented challenges to the administration in Sabah. However, during that period, the civil service is seen to have played an important role in ensuring that all administrative affairs can be carried out smoothly. However, there are issues such as the lack of involvement of local native who serve in the Sabah administration because most of the positions are filled by officers of British descent. Therefore, the discussion of this article will review the extent to which the role of the civil service in Sabah was related to the development of administration in the state before 1963. This study uses a qualitative analysis approach which is the analysis of documents found in the National Archives of Malaysia as well as a library study by analyzing various primary and secondary sources. such as Colonial Office Files, books and articles to obtain research data sources. This study produces an analysis that can provide a clearer understanding of the role of the civil service in Sabah before 1963. The identification of the role of the civil service will enable the planning of government strategies and policies that can further strengthen the civil service in Sabah.

Keywords:

Native, British, Civil Service, Administration and Sabah.

Pengenalan

Berdasarkan kajian pada tahun 2018, Sharifah Darmia Sharif Adam mendapati bahawa perkhidmatan Awam di Tanah Melayu telah bermula sejak zaman pentadbiran kerajaan British kerana ketika era kolonial British struktur perkhidmatan awam mula kelihatan dengan lebih jelas. Manakala di Sabah pula, perkhidmatan awam sudah wujud sejak zaman penjajahan kuasa asing barat. Walau bagaimanapun, perkhidmatan awam dalam tempoh tersebut ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pentadbir asing dalam menjaga kepentingan ekonomi mereka. Sebelum tahun 1963, fungsi dan peranan pihak pentadbiran di Sabah diuji dengan pelbagai cabaran khususnya apabila berlaku peralihan pentadbiran. Bermula dengan pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1881 hingga 1941. Kemudian, Sabah jatuh ke tangan pentadbiran tentera Jepun pada tahun 1942 hingga 1945. Seterusnya, apabila tentera Jepun berundur SBBUB kembali mentadbir tetapi masalah kewangan menyebabkan SBBUB bertindak menyerahkan pentadbiran Sabah kepada pihak kerajaan kolonial British pada tahun 1946 yang terus mentadbir hingga 1963. Sepanjang tempoh masa tersebut, anggota perkhidmatan awam berperanan penting dalam memastikan pentadbiran di wilayah tersebut dapat terus berjalan lancar. Namun demikian, memandangkan tidak ramai bilangan bumiputera Sabah yang terlibat dalam perkhidmatan awam menyebabkan timbul

persoalan sejauh manakah anggota perkhidmatan awam yang rata-ratanya terdiri daripada pegawai berketurunan British tersebut benar-benar melaksanakan fungsi dalam membangunkan pentadbiran di negeri Sabah sebelum tahun 1963. Oleh itu, bagi memberikan kefahaman yang lebih terperinci dalam artikel ini akan dibincangkan terlebih dahulu latar belakang pentadbiran awal di Sabah kemudian difokuskan terhadap peranan perkhidmatan awam di Sabah terhadap pembangunan pentadbiran sebelum tahun 1963.

Latar Belakang Sistem Pentadbiran Awal Di Sabah

Menurut D.S. Ranjit Singh (2000), sebelum kehadiran SBBUB di Sabah tidak wujud konsep negeri bagi wilayah itu kerana penduduknya hidup secara terpisah mengikut kelompok masing-masing. Kntayya Mariappan dan Paul Porodong (2012), menyatakan bahawa sebagai contohnya komuniti-komuniti Dusun dan Murut telah mengamalkan kehidupan yang berasingan. Selain itu, secara umumnya, berasaskan kefahaman antropologi, penduduk asal Sabah dapat diklasifikasikan kepada 3 rumpun etnik berdasarkan pertalian bahasa iaitu Dusunik, Murutik dan Paitanik. Kemudian, berdasarkan Siti Aidah Hj. Lokin (2007) pula, suku kaum yang terdapat di Sabah dapat dibahagikan kepada 2 kelompok besar iaitu rumpun Dusun termasuk Murut yang dianggap sebagai penduduk asli Sabah dan kelompok subetnik yang datang kemudian seperti suku kaum Suluk, Bajau dan Iranun. Secara umumnya berdasarkan kajian F.G Whelan (1970), Sabah tidak mempunyai bilangan penduduk yang ramai disebabkan bentuk mukabuminya.

Sementara itu, dari segi pentadbiran, menurut Sabihah Osman (1985), sebelum abad ke-16 corak pentadbiran di wilayah ini terbahagi kepada pentadbiran berasaskan kesukuan atau dikenali sebagai sistem politik kesukuan yang diamalkan di peringkat kampung dan kawasan pedalaman sahaja. Kemudian, sistem pentadbiran kesultanan yang merujuk kepada sistem pentadbiran kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu. Menurut Nicholas Tarling (1971), di bawah sistem pentadbiran kesultanan Brunei, sungai-sungai dan penduduk dibahagikan kepada 3 bahagian. Bahagian pertama iaitu sungai dan penduduknya disifatkan sebagai 'sungai kerajaan' atau 'hamba kerajaan' yang menjadi milik sultan. Bahagian kedua ditadbir oleh 4 wazir negeri dan digelar sebagai 'sungai kuripan' manakala bahagian ketiga digelar sebagai 'sungai tulen' yang dimiliki oleh sultan, wazir atau pengiran sebagai harta perseorangan.

Seterusnya adalah sistem pentadbiran Ketua-Ketua Bebas. Menurut Siti Aidah Hj. Lokin (2007), sistem ini wujud hasil keberanian dan keperwiraan seseorang tokoh yang telah mencabar kewibawaan sultan-sultan di daerah-daerah persisir pantai. Berdasarkan corak pentadbiran sedemikian, dapat dijelaskan bahawa pada peringkat awal wilayah ini tidak mempunyai satu pentadbiran yang kukuh. Faktor seperti corak hidup suku etnik yang terasing antara satu sama lain dan kesukaran mengawal daerah-daerah yang terletak di kawasan-kawasan pedalaman menyebabkan pemimpin tempatan menjadi ketua dan menjalankan pentadbiran tanpa sebarang kawalan daripada mana-mana pihak. Namun begitu, keadaan ini mula berubah dengan kehadiran kuasa asing barat dalam pentadbiran Sabah.

Peranan Perkhidmatan Awam Di Sabah Terhadap Pembangunan Pentadbiran Sebelum Tahun 1963

Bagi memberikan kefahaman mengenai peranan perkhidmatan awam di Sabah adalah perlu untuk menjelaskan peranan pihak pentadbir Sabah bermula ketika pentadbiran SBBUB pada tahun 1881 hingga 1941. Menurut Siti Aidah Hj. Lokin (2007), pada abad ke-19, kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu mula mengalami kemerosotan pentadbiran di wilayah Borneo kerana tekanan daripada kuasa-kuasa barat yang berlumba-lumba untuk mendapatkan

pengaruh politik dan perdagangan di Borneo. Nik Anuar Nik Mahmud (2009) menyatakan bahawa Borneo Utara telah menjadi rebutan antara kuasa-kuasa Eropah seperti Britain, Belanda dan Sepanyol sejak abad ke-19. Namun, akhirnya Britain berjaya menguasai Borneo Utara. Perkara ini dapat dilihat apabila menurut Siti Aidah Hj. Lokin (2007), pada 1 November 1881 kerajaan British telah mengurniakan Piagam Diraja kepada SBBUB dan pada tahun yang sama juga berdasarkan Nik Anuar Nik Mahmud (2009), wilayah itu dikenali sebagai *British North Borneo*. Selain itu, dalam *Sabah dan Yayasan Sabah* (1974) dinyatakan bahawa SBBUB merupakan pihak yang memulakan penyusunan pentadbiran yang kukuh dan moden di Sabah. Walaupun tujuan utama penubuhan SBBUB adalah untuk mengaut lebih banyak keuntungan daripada hasil bumi Sabah tetapi untuk memastikan segala urusan eksploitasi tersebut dapat berjalan lancar SBBUB mewujudkan satu sistem pentadbiran. Di samping itu, sistem pentadbiran tersebut juga adalah untuk mengekalkan kestabilan di Sabah supaya tidak menjejaskan urusan pihak SBBUB.

Berhubung dengan sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh SBBUB itu, Ismail Yusoff (2004) menyatakan bahawa satu sistem pentadbiran secara tidak langsung terhadap peribumi Sabah telah dijalankan untuk mengurangkan kos pentadbiran kerana kemampuan kewangan SBBUB yang terbatas. Melalui sistem pentadbiran tersebut, institusi politik yang berkait dengan hal ehwal peribumi di peringkat daerah dan kampung dibentuk semula. Berdasarkan Sabihah Osman (1985), institusi-institusi yang dimasukkan dalam pentadbiran SBBUB adalah institusi Ketua Anak Negeri, Orang Tua dan Mahkamah Anak Negeri yang merupakan bahagian paling rendah dalam perkhidmatan kerajaan SBBUB. Tindakan ini dilakukan oleh pihak SBBUB bertujuan untuk mengekalkan kestabilan pentadbiran mereka khususnya di kawasan pedalaman. Selain itu, SBBUB juga mengalami kekurangan kakitangan menyebabkannya terpaksa bergantung kepada 3 institusi tersebut. Oleh itu, orang tempatan yang diakui oleh SBBUB diserap masuk ke dalam pentadbiran kerajaan sebagai Ketua Anak Negeri.

Menurut Sabihah Osman (1985), Ketua Anak Negeri dibahagikan kepada golongan ketua yang mendapat upah dan golongan ketua yang tidak mendapat upah. Ketua yang mendapat upah atau elaun bulanan ini mendapat bayaran sebanyak \$5.00 hingga \$40.00. Golongan ini berperanan dalam menjaga keamanan, memungut cukai dan menguruskan hal ehwal keadilan. Sementara itu, golongan ketua yang tidak mendapat upah akan berperanan memungut cukai dan menerima 1/3 daripada kutipan cukai jika menyerahkan terus kepada pegawai daerah dan 1/10 jika kutipan cukai diserahkan kepada wakil Pegawai Daerah. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa pentingnya peranan pemimpin-pemimpin tempatan di Sabah dalam memastikan urusan pentadbiran SSBUB dapat berjalan lancar.

Dari segi struktur dan susunan pentadbiran di bawah SBBUB, dalam *Sabah dan Yayasan Sabah* (1974) menjelaskan bahawa Sabah dibahagikan kepada 4 residensi iaitu Sandakan, Tawau, Pantai Barat dan pedalaman yang setiap satunya ditadbir oleh Pegawai Daerah yang bertanggungjawab melalui Residen kepada Gabenor. Bagi mengukuhkan lagi pentadbiran SBBUB, pada tahun 1883 ditubuhkan sebuah Majlis Penasihat untuk membantu Gabenor. Ketika itu, terdapat pelantikan 1 orang ahli tidak rasmi daripada kalangan orang tempatan. Namun ini tidak memberi makna kepada penduduk peribumi Sabah kerana ternyata tujuannya adalah untuk memilih wakil daripada pemimpin Cina atau peladang Eropah bagi mewakili kepentingan ekonomi mereka. Ringkasnya, walaupun terdapat penglibatan penduduk tempatan dalam pentadbiran SBBUB namun ia setakat di peringkat rendah dan sentiasa pula dipantau oleh pihak SBBUB. Perkara ini terbukti berdasarkan catatan dalam *Colonial Office File (CO)*

855/16 BNBH Dec 1, 1902 mengenai kenyataan E.W. Birch iaitu Gabenor Sabah (1901-1904) seperti berikut:

“The Secret of Success in investigating native affairs lies in personal enquiry on the spot. To hug the coast like the Dutch in Acheen and make periodical sorties on some inland vastness in a policy foredoomed to failure”.

Berdasarkan kenyataan tersebut, jelaslah bahawa Gabenor Sabah tersebut menekankan kepentingan memantau institusi pentadbiran oleh ketua-ketua tempatan. Dengan erti kata lain, ia sebenarnya menunjukkan ketidakpercayaan dan rasa tidak percaya pihak pentadbiran SBBUB terhadap pentadbiran yang dijalankan oleh ketua-ketua tempatan sekalipun ia hanya di peringkat rendah.

Menurut Sabihah Osman (1985), pada tahun 1912 ketika dibawah kepimpinan W. Ridgeway sebagai pengerusi SBBUB ditubuhkan Majlis Perundangan yang mengandungi 11 orang ahli iaitu 7 ahli rasmi dan 4 ahli tidak rasmi mewakili orang Cina, peladang estet dan perniagaan. Namun demikian, tiada pemimpin tempatan yang dipilih sebagai ahli dalam majlis Perundangan tersebut. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin tempatan kelihatan dipinggirkan dalam pentadbiran di wilayah mereka sendiri. Penglibatan pemimpin tempatan hanya kelihatan dalam Majlis Penasihat Ketua-ketua Anak Negeri pada tahun 1915 semasa C.W.C. Parr menjadi Gabenor Sabah. Penyertaan pemimpin tempatan dalam majlis tersebut merupakan peluang dan menjadi latihan untuk menyuarakan pandangan pemimpin tempatan dalam perkara penting seperti cukai dan kesihatan. Selain itu, majlis ini juga menjadi medan interaksi antara Gabenor dan pemimpin tempatan dalam hal-hal berkaitan dengan pentadbiran di Sabah.

Dalam tahun 1915 juga penglibatan orang tempatan dalam pentadbiran juga dapat dilihat apabila SBBUB memperkenalkan satu jawatan untuk diisi oleh orang tempatan dikenali sebagai Pembantu Penolong Pegawai Daerah atau *Deputy Assistant District Officer (DADO)*. Pengiran Haji Omar merupakan Ketua Anak Negeri dari Putatan yang pertama dilantik sebagai DADO. DADO mempunyai bidang kuasa sebagai Majistret Kelas III yang sama seperti pegawai-pegawai Eropah. Jawatan ini diwujudkan untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai British untuk dihantar ke kawasan pedalaman dan juga atas faktor kekuatan pengaruh DADO yang dilantik. Dengan kata lain, jawatan DADO ini diwujudkan bukan semata-mata kerana kekurangan pegawai British tetapi juga adalah untuk memanfaatkan kuasa pengaruh yang dimiliki oleh pemimpin tempatan ke atas penduduk di Sabah supaya tidak berlaku tentangan ke terhadap dasar-dasar pentadbiran SBBUB. Berdasarkan Sabihah Osman (1985), DADO kebiasaanya ditugaskan di kawasan pedalaman yang tidak dijejaki oleh pegawai Eropah dan dikehendaki menyerahkan laporan bulanan kepada Penolong Pegawai Daerah. Ternyata Tindakan pihak SBBUB memperkenalkan jawatan DADO bukanlah untuk meningkatkan penglibatan pemimpin tempatan dalam pentadbiran mereka tetapi bertujuan menjaga kepentingan mereka sahaja.

Seterusnya, pada tahun 1935 pemimpin tempatan dilihat mempunyai peranan yang lebih besar apabila Gabenor Jardine membentuk Majlis Penasihat Orang Besar Besar (Ketua Gred Satu) atau Majlis Penasihat Ketua-ketua Peribumi (Native Chief's Advisory Council) yang dianggotai oleh 17 orang Ketua Peribumi Sabah digelar Orang Kaya-Kaya (OKK). Menurut K.G. Tregonning (1965), OKK tersebut adalah daripada daerah Sandakan, Tawau, Semporna, Lahad Datu, Sungai Kinabatangan, Sungai Labuk, Kudat, Kota Belud, Papar, Mempakul, Inanam, Penampang, Beaufort, Sipitang, Pensiangan, Keningau dan Tambunan. Antara

peranan majlis ini adalah untuk membincangkan penambahbaikan pentadbiran di Sabah. Walaupun terdapat cadangan majlis ini yang dilaksanakan namun dari segi kuasa peranan majlis ini masih terhad setakat dalam Mahkamah Anak Negeri Sahaja. Hal ini bermakna kuasa dan kedudukan pemimpin tempatan dalam pentadbiran SBBUB masih lagi terbatas.

Keadaan sedemikian sebenarnya disadari oleh pemimpin tempatan, oleh itu menurut M.H. Baker (1965), pada tahun 1936 terdapat usaha menubuhkan kerajaan tempatan dengan penubuhan pusat pentadbiran asli (native administration) yang berpusat di Bingkor. Terdapat 12 kampung yang mempunyai 2,700 penduduk bergabung dan diletakkan dibawah kawalan ketua bernama OKK Sodomon. Berdasarkan V. Gabriel William (1981), OKK Sodomon berkuasa mengawal kewangan termasuklah memungut cukai dan memberi lesen. Namun begitu, SBBUB tidak menyokong penubuhan pusat pentadbiran Bingkor kerana bimbang ia meluaskan penguasaan orang Cina dan akhirnya pusat pentadbiran Bingkor tidak dapat berkembang. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa di bawah pentadbiran SBBUB, peranan pemimpin tempatan dalam pentadbiran begitu terbatas dan sentiasa dikawal oleh pihak SBBUB. Keadaan sedemikian berterusan hinggalah meletusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941.

Pada tahun 1942, berlaku peralihan kuasa pentadbiran di Sabah kerana penaklukan pihak tentera Jepun. Pihak SBBUB yang menyedari kelemahan pertahanan mereka pada ketika itu dilihat tidak memberikan tentangan bersungguh-sungguh. Menurut Siti Aidah Hj. Lokin (2007), pada 1 Januari 1942 Pulau Labuan menjadi tempat pertama tentera Jepun mendarat dan pada penghujung bulan Mei tahun yang sama seluruh Sabah jatuh ke tangan tentera Jepun. Penaklukan Sabah telah membawa perubahan ke atas sistem pentadbiran di wilayah tersebut. Tentera Jepun telah melaksanakan pemusatan pentadbiran yang mengabungkan Sabah, Sarawak dan Brunei dalam 1 unit pentadbiran yang berpusat di Kuching, Sarawak. Di Sabah, pentadbiran tentera Jepun dibahagikan kepada 2 iaitu pertama pentadbiran *Shikei Shiu* yang merangkumi residensi Pantai Barat, Kudat dan pedalaman. Kedua pentadbiran *Tokai Shiu* yang meliputi residensi Sandakan dan Tawau. Menariknya, menurut *Sabah dan Yayasan Sabah* (1974), semasa pentadbiran tentera Jepun didapati penduduk tempatan diberikan peluang untuk menduduki jawatan yang lebih besar kuasanya. Di peringkat kampung misalnya, tentera Jepun melantik orang tempatan yang digelar *Jikidan* untuk membantu mereka dalam urusan pentadbiran dengan peranan menjaga keselamatan kampung dan bertanggungjawab kepada ketua kampung. Namun demikian, pentadbiran tentera Jepun hanya berlangsung dalam masa yang singkat kerana pada tahun 1945 Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua dan berundur daripada Sabah.

Dengan itu, SBBUB kembali untuk mentadbir Sabah. Namun, menurut Siti Aidah Hj. Lokin (2007) masalah kewangan dan pembiayaan kos pemulihan yang besar kesan kemusnahan akibat perang menyebabkan SBBUB bertindak menawarkan Sabah kepada pihak kerajaan British. Berikutan itu, pada 26 Jun 1946 satu perjanjian ditandatangani bersama kerajaan British dan SBBUB menyerahkan kesemua haknya di Sabah kepada kerajaan British. Selaras dengan itu, pentadbiran Sabah beralih pula kepada *British Military Administration* (BMA) sehingga dijadikan Jajahan Kemahkotaan Diraja British (Crown Colony) pada 15 Julai 1946. Di bawah pentadbiran BMA, Siti Aidah Hj. Lokin (2007) menyatakan bahawa kerajaan British berhadapan dengan masalah menjalankan pentadbiran disebabkan ramai pegawai pentadbir yang berpegalaman terbunuh atau mengalami kecederaan akibat peperangan. Dengan itu, sebelum pelantikan Gabenor baru, Sabah diletakkan di bawah pentadbiran Perkhidmatan Awam Malaya (Malayan Civil Service). James Calder daripada semenanjung Tanah Melayu

dilantik sebagai Pegawai Tadbir. Kemudian pada penghujung tahun 1946, Jabatan Pertanian, Jabatan Hutan, Jabatan Pelajaran, Jabatan Kehakiman dan Jabatan Kerja Awam telah berfungsi semula. Hal ini menunjukkan bahawa perkhidmatan awam di Sabah telah menjalankan peranan untuk memastikan pentadbiran kerajaan British di wilayah tersebut dapat terus berjalan lancar.

Berdasarkan Haji Buyong Adil (1981), pada 15 Februari 1947 kerajaan British melantik Sir Edward Twinning sebagai Gabenor yang menjadi ketua pentadbir bagi Sabah. Di bawah pentadbiran kerajaan British, Gabenor mempunyai kuasa yang lebih banyak. Jadual 1 berikut adalah senarai nama dan tarikh perkhidmatan Gabenor di Sabah semasa di bawah pentadbiran kerajaan British:

No.	Nama	Tarikh
1.	Sir Edward Twinning	15 Februari 1947
2.	Gabenor Major Jeneral Sir Ralph Hone	10 Januari 1950
3.	Roland Evelyn Turnbull	Mac 1954
4.	Sir William Goodie	1960

Jadual 1

Senarai Nama dan Tempoh Perkhidmatan Gabenor Britih di Sabah

Sumber: disesuaikan daripada Siti Aidah Hj. Lokin. (2007). *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Sabah, 1881-1963*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Semasa di bawah pentadbiran kerajaan British, perkhidmatan awam di Sabah didapati meneruskan sistem pentadbiran semasa SBBUB. Menurut M.H. Baker (1965) pentadbiran Sabah dijalankan oleh jabatan kerajaan yang terletak di bawah arahan Ketua Setiausaha yang merupakan pegawai eksekutif utama kerajaan yang teratas dalam hirarki perkhidmatan awam. V. Gabriel William. (1981) pula menyatakan bahawa ibu pejabat Ketua Setiausaha tersebut terletak di Jeselton (Kota Kinabalu) dimana semua dasar mengenai perkhidmatan awam dibuat. Dalam tempoh ini juga terdapat perubahan yang berlaku dalam perkhidmatan awam. Berdasarkan M.H. Baker (1965) lagi, pada tahun 1956 jabatan kerajaan yang utama di Sabah adalah Jabatan Pertanian, Audit, Penerbangan Awam, Jabatan Kebudayaan, Jabatan Pendidikan, Jabatan Hutan, Jabatan Penyelidikan Geologi, Jabatan Kehakiman, Tanah dan Ukur, Marin, Jabatan Perubatan, Polis, Pos dan Telegraf, Pencetakan, Jabatan Penjara, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kereta api. Perkara ini menunjukkan perkhidmatan awam berkembang lebih luas di bawah kerajaan British dengan lebih banyak jabatan-jabatan yang dapat merangkumi pelbagai urusan pentadbiran di Sabah.

Berhubung dengan kedudukan orang tempatan dalam perkhidmatan awam semasa di bawah pentadbiran kerajaan British didapati tidak banyak perubahan besar yang berlaku. Hal ini kerana kebanyakan pegawai pentadbir kerajaan terdiri daripada mereka yang berketurunan British. Malahan dapat dikatakan bahawa pegawai-pegawai British memonopoli semua jawatan pentadbir dalam perkhidmatan kerajaan di Sabah. Pegawai-pegawai inilah yang berperanan dalam menjalankan pentadbiran kerajaan British di Sabah. Walau bagaimanapun, pemimpin dan orang tempatan Sabah mula diberikan peluang untuk terlibat dalam pentadbiran kerajaan. Perkembangan ini dapat dilihat pada akhir tahun 1957, pegawai pentadbir tempatan pertama telah dilantik di Sabah. Namun menurut V. Gabriel William (1981), sehingga menjelang kemerdekaan Sabah pada tahun 1963 hanya terdapat 11 orang pegawai pentadbir

tempatan yang dilantik untuk menyertai perkhidmatan awam kerajaan. Hal ini memperlihatkan bahawa masih sedikit bilangan orang tempatan yang dilantik berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa peranan perkhidmatan awam dalam mewujudkan satu sistem pentadbiran yang tersusun sebelum tahun 1963 lebih menekankan kepada polisi pemerintah untuk mengekalkan kuasa dan menjaga kepentingan ekonomi mereka.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, didapati bahawa perkhidmatan awam mempunyai peranan yang signifikan terhadap pembangunan pentadbiran di Sabah sebelum tahun 1963. Walaupun dalam tempoh tersebut, perkhidmatan awam dibentuk untuk memastikan sistem pentadbiran pihak kolonial dapat berjalan lancar tetapi dalam masa yang sama mereka masih bergantung kepada pengaruh pemimpin tempatan untuk memastikan urusan pentadbiran dapat berjalan lancar di samping menjaga kestabilan serta keamanan di Sabah. Hasilnya, Situasi ini menunjukkan bahawa pemimpin tempatan walaupun hanya memegang jawatan rendah dalam pentadbiran kolonial adalah penting kerana berperanan sebagai orang tengah dalam memastikan segala dasar pentadbiran kerajaan kolonial dapat berjalan lancar dan tidak mengganggu gugat keuntungan ekonomi mereka di Sabah. Kajian ini mencapai objektifnya menghasilkan satu analisis yang dapat memberi kefahaman yang lebih jelas tentang peranan perkhidmatan awam di Sabah sebelum tahun 1963 yang membolehkan kajian mendalam dilakukan terhadap peranan dan hala tuju perkhidmatan awam di Sabah selepas merdeka.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd, yang memberikan Skim Geran Penerbitan untuk projek ini.

Senarai Rujukan:

- Colonial Office Fail (CO) 855/16 BNBH Dec 1, 1902.
- D.S. Ranjit Singh. (2000). *The Making of Sabah, 1865-1941*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- F.G. Whelan. (1970). *The Story of Sabah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Haji Buyong Adil (1981). *Sejarah Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Yusoff. (2004). *Politik dan Agama di Sabah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Kntayya Mariappan dan Paul Porodong. (2012). 'Kepelbagaian Etnik di Sabah: Pengenalan ringkas', dalam Kntayya Mariappan dan Paul Porodong. (2012). *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, Kuala Lumpur: Insitut Terjemahan & Buku Malaysia.
- K.G. Tregonning. (1965). *A History of Modern Sabah, (North Borneo 1881-1963)*, Singapore: University of Malaya Press.
- M.H. Baker. (1965). *Sabah: The First Ten Years as a Colony, 1946-1956*, Singapore: Malaysia Publication House for the Department History, University of Singapore.
- Nicholas Tarling. (1971). *Britain, The Brookes and Brunei*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2009). *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabah dan Yayasan Sabah. (1974). *Kuala lumpur: Armada Sdn. Bhd.*
- Sabihah Osman. (1985). *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah.
- Sharifah Darmia Binti Sharif Adam. (2018). *Perkembangan Perkhidmatan Awam di Persekutuan Tanah Melayu, 1948-1970. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah).*Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Siti Aidah Hj. Lokin. (2007). Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Sabah, 1881-1963, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- V. Gabriel William. (1981). 'The General State Administration of Sabah, 1881-1981', dalam Annuar Sullivan and Cecilia Leong. 1981. Commemorative History of Sabah. 1881-1981, Kuala Lumpur Sabah State Government.